

185  
Soalan No:76

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]

**TARIKH :** 6.3.2018 (SELASA)

**SOALAN :**

Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah SOP oleh guru yang membawa keluar pelajar Vasanthapiriya dari SMK Nibong Tebal berhubung kes kehilangan telefonnya dibenarkan dan mengapa guru tersebut tidak digantung sementara siasatan berjalan sebaliknya ditukar ke PPD SPS. Adakah SOP Kementerian tidak menggantung mana-mana guru yang sedang disiasat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memastikan keselamatan murid di sekolah menjadi keutamaan dan terjamin dengan penguatkuasaan peraturan-peraturan sedia ada. Bagi kes mendiang M Vasanthapiriya, masih dalam siasatan polis. KPM berharap kes ini akan terjawab apabila proses inkues yang akan dijalankan polis selesai. Guru yang terlibat telah ditempatkan sementara di Pejabat Pendidikan Daerah bagi membolehkan siasatan penuh dibuat. Langkah seterusnya akan dilaksanakan selepas keputusan kes ini dimuktamadkan.

RJM06

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG  
NYUK FOH [SANDAKAN]**

**TARIKH : 6 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 77**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan statistik ketibaan pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Sandakan dan Tawau dari tahun 2012 hingga 2017. Nyatakan jumlah laluan penerbangan di ketiga-tiga lapangan terbang tersebut.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2012 hingga 2017, penumpang-penumpang yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) ialah seramai 2,916,514 orang pada tahun 2012, 3,458,340 orang pada tahun 2013, 3,383,599 orang pada tahun 2014, 3,276,061 orang pada tahun 2015, 3,623,121 pada tahun 2016 dan 3,986,839 orang pada tahun 2017. Secara ringkasnya, peningkatan penumpang yang tiba di LTAKK bagi tempoh 2012 hingga 2017 adalah sebanyak 37%.

Di Lapangan Terbang Sandakan (LTS) pula, tahun 2012 seramai 405,274 orang, tahun 2013 seramai 441,780 orang, tahun 2014 seramai 436,748 orang, tahun 2015 seramai 415,490 orang, tahun 2016 seramai 427,914 orang dan tahun 2017 seramai 436,549 orang. Secara ringkasnya, peningkatan penumpang yang tiba di LTS bagi tempoh 2012 hingga 2017 adalah sebanyak 8%.

Di Lapangan Terbang Tawau (LTT) pula, tahun 2012 seramai 488,089 orang, tahun 2013 seramai 597,548 orang, tahun 2014 seramai 606,843 orang, tahun 2015 seramai 598,888 orang, tahun 2016 seramai 632,021 orang dan tahun 2017 seramai 683,104 orang. Secara ringkasnya, peningkatan penumpang yang tiba di LTT bagi tempoh 2012 hingga 2017 adalah sebanyak 40%.

Sehingga kini, jumlah laluan penerbangan di ketiga-tiga lapangan tersebut adalah sebanyak 55 laluan penerbangan domestik dan antarabangsa yang merangkumi 46 laluan penerbangan di Kota Kinabalu, 4 di Sandakan dan 5 di Tawau.